



JURNAL LINGUISTIK Vol. 19(1) Jun.2015 (058-077)

Pelestarian Kaedah Lapangan: Penerapan Terhadap Kajian Geo Dialek

Harishon Radzi, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin

naslin@ukm.edu.my

*Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Abstrak

Sesuatu penyelidikan perlu dilakukan secara ilmiah, iaitu bersistematik, empiris dan kritis. Justeru penyelidikan bahasa yang dilakukan dengan mengguna pakai beberapa syarat dinyatakan itu mampu menjadikan kajian bahasa atau dialek berada pada satu tahap yang saintifik. Fenomena ini jauh lebih baik dan dapat dilestari sekiranya mengabung jalinkan teknologi khusus yang melibatkan bidang yang berbeza. Di Malaysia kajian semakin pesat berkembang dan menarik ekor penglibatan penggunaan alatan berteknologi yang pada satu ketika hanya diguna pakai dalam bidang tertentu sahaja. Sebelum ini, kebanyakan kajian dialek di Malaysia menggunakan kaedah tradisional secara melakarkan sempadan dialek atau isoglos. Kaedah lakaran adalah tidak bersesuaian dengan kajian saintifik kerana hasil lakarannya membentuk lakaran yang tidak jelas dan kabur. Teknologi moden terkini melibatkan pendekatan interdisiplin geografi dan linguistik dan menjadi penyelesaian kepada masalah penyelidikan geo dialek. Pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah lapangan di beberapa daerah di Perak yang secara geografinya bersempadan dengan Kedah di sebelah barat laut, bersempadan dengan Thailand di sebelah utara dan Kelantan di timur utara telah mencampurkan dialek-dialek bahasa Melayu, terutamanya di bahagian utara. Data tersebut kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis menggunakan komputer yang bersistematik GIS (*Geographic Information System*) yang berkemampuan menggunakan maklumat data ruang yang besar, menganalisis dan menghasilkan peta kartografik yang lebih tepat dalam menanda isoglos variasi bahasa dan penyebaran taburan leksikal yang lebih baik. Secara tidak langsung, pengkajian dialek menjadi lebih terkini dan sistematik. Secara tidak langsung, makalah ini memaparkan kaedah lapangan yang mengaplikasi alatan berteknologi dalam penyelidikan bahasa sehingga mampu melestarikan penyelidikan geo dialek, khususnya di Perak terus mampan dan terkini.

Kata kunci: dialek, kaedah lapangan, penyebaran leksikal, isoglos, GIS

Abstract

A scientific research should cater for a systematic, empirical and critical manner. Thus, any language research that applies a scientific approach is able to ensure that a research, for instance, in language or dialectology, holds a scientific level. This will be sustained when specific technology is integrated for various fields. Although technology application was limited to certain disciplines, current scenario sees robust technology application in researches in Malaysia regardless of research areas. This includes dialectology researches which now has reached beyond traditional approaches such as sketch-mapping dialectology and isogloss border methods. Sketching method does not apply well with a scientific research as it does not produce a clear result. Modern technology has now advanced with an integrated multidisciplinary method such as the combination approach for geography with linguistics, thus solving problems in geo-dialect research. Data collection is done through field work in several parts of Perak which geographically borders Kedah in the northern west, Thailand in the north and Kelantan in the eastern north. In these areas, language has been merged with the local Malay dialects, particularly in the north. Data is then transcribed analysed using GIS (Geographic Information System) which is able to cater for large data space, to analyse and produce a more exact cartographic map in identifying language variation isogloss and a well dispersed lexical strata. This approach indirectly

enables dialectological researches to be more accurate, recent and more systematic. It also depicts a field work that integrates application of technology tools in language research in sustaining geo-dialect researches, particularly in Perak.

Keywords: dialect, field work approach, lexical dispersion, isogloss, GIS

1. Pengenalan

Setiap pengguna bahasa mengharapkan bahasa natif mereka terus kekal dan berwujud dalam perkembangan bahasa khususnya sebagai wahana komunikasi. Tidak dinafikan, pelbagai faktor boleh mempengaruhi perkembangan, dan kepupusan bahasa. Setiap satunya membawa natijah yang berbeza. Misalnya, arus globalisasi menyebabkan banyak leksikal bahasa Melayu asli tidak digunakan dan beransur hilang disebabkan sifat bahasa Melayu itu sendiri iaitu mudah menerima penyerapan kata asing dan pembentukan leksikal baru (Noorul Khairien & Hasnah, 2013:72). Berdasarkan peranan bahasa yang besar, sudah tentulah, penyelidikan wajar dilakukan sama ada untuk mengenal pasti, menghurai dan menganalisis apa sahaja berkaitan bahasa. Oleh yang demikian, sesuatu penyelidikan perlu dilakukan secara ilmiah, iaitu bersistematis, empiris dan kritis (Mahsun, M.S, 2005; Kerlinger, 1993). Penyelidikan bahasa yang dilakukan dengan mengguna pakai beberapa syarat dinyatakan itu mampu menjadikan kajian bahasa atau dialek berada pada satu tahap yang saintifik. Fenomena ini jauh lebih baik dan dapat dilestari sekiranya mengabungkan jalinan teknologi khusus yang melibatkan bidang yang berbeza.

Di Malaysia kajian dialek semakin pesat berkembang dan menarik ekoran penglibatan penggunaan alat berteknologi yang pada satu ketika hanya diguna pakai dalam bidang tertentu sahaja. Sebelum ini, kebanyakan kajian dialek di Malaysia menggunakan kaedah tradisional secara melakarkan sempadan dialek atau isogloss. Kaedah lakaran adalah tidak bersesuaian dengan kajian saintifik kerana hasil lakarannya membentuk lakaran yang tidak jelas dan kabur. Teknologi moden terkini melibatkan pendekatan interdisiplin geografi dan linguistik dan menjadi penyelesaian kepada masalah penyelidikan geodialek.

Hal ini telah disentuh oleh Nor Hashimah tatkala membentang kertas berjudul *Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa: Mendapak Khazanah Menenun Inovasi* dalam Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK15) (Nor Hashimah, 2015). Hujah Nor Hashimah (2015:12) sangat berasas kerana dunia penyelidikan masa kini menekan kajian yang berinovasi lagi berteknologi. Perekayasaan penyelidikan seharusnya meluas dan tidak terhad kepada kajian teks sahaja. Salah satu kajian yang memerlukan perekayasaan penyelidikan adalah kajian dialek. Kajian dialek sebelum ini terutamanya kajian dialek geografi banyak menggunakan lakaran kasar dan impresionistik bagi kawasan yang bakal dibuat kajian. Lakaran dilakukan secara manual dan boleh menyebabkan ketidak tepatan peta yang dilakarkan.

Selanjutnya, Nor Hashimah menekan bahawa pendekatan multidisiplin yang menggabungkan ilmu bahasa dengan ilmu lain merupakan inovasi kepada kajian bahasa yang lebih terkini. Pengaplikasian perisian yang bersesuaian dengan bidang ilmu seperti GIS (Geographical Information System), perisian maklumat ilmu pemakanan, teknologi maklumat mampu menenun inovasi dalam kajian bahasa demi memastikan kelangsungan, kelestarian dan kerekayasaan BM agar terus segar dan kekal relevan (2015:1)

Makalah ini bertujuan memaparkan kerja atau kaedah lapangan yang diguna pakai untuk mendapat data dalam penyelidikan yang kemudiannya digabung jalin bersama alat berteknologi dalam penyelidikan bahasa sehingga mampu melestarikan penyelidikan geodialek, khususnya di Perak terus mampan dan terkini. Secara tidak langsung makalah ini bertujuan untuk menerima pakai pendekatan interdisiplin dalam mengkaji perubahan dan pengagihan dialek Melayu dituturkan di Perak. Dengan melibatkan bahasa, geografi, demografi dan data penutur, pengkaji berupaya mencadangkan peta baru yang menunjukkan agihan dan sempadan dialek-dialek Melayu yang dituturkan di Perak. Apa yang membuat kajian ini berbeza daripada kajian lalu adalah kajian ini menggunakan kerja lapangan sebagai sumber utama dalam mengumpul data.

Dialek Di Negeri Perak

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), dialek merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah, negeri dan lain-lain. Kamus Linguistik (2007) pula mentafsirkan bahawa dialek merupakan kelainan bahasa yang berbeza dari segi sebutan, tatabahasa, dan kosa kata daripada bahasa baku. Antaranya termasuk dialek kawasan dan dialek sosial.

Negeri Perak merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia. Negeri Perak bersempadan dengan Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Pahang dan Kelantan. Bermula di sempadan Pulau Pinang, Perak dan Kedah, iaitu Parit Buntar sehingga ke Taiping, kebanyakan penduduknya bertutur menggunakan loghat utara. Di bahagian Hulu Perak iaitu Kroh, Grik dan Lenggong, masyarakat di kawasan ini banyak menggunakan dialek Patani. Keadaan ini menyebabkan dialeknya seakan-akan serupa dengan dialek Kelantan. Sepertimana di utara, penduduk Hulu Perak juga kebanyakannya terdiri daripada penduduk dari Patani. Seterusnya di daerah Kinta, dialeknya turut berbeza mengikut masyarakatnya juga. Majoriti penduduk di sini datang dari kepulauan Indonesia seperti Rawa, Mandeling, Banjar dan banyak lagi. Manakala di selatan iaitu di daerah Batang Padang sehingga Bagan Datoh, dialeknya pula lebih dipengaruhi dengan dialek selatan semenanjung seperti Selangor dan Johor. Hal ini kerana masyarakatnya juga terdiri daripada golongan pendatang dari Selangor, iaitu Jawa dan Bugis.

2. Kajian Lepas

Penyelidikan terhadap dialek di Perak memenuhi ruang pengkajian yang agak lama yang meliputi pelbagai topik. Antaranya ialah kajian oleh Zaharani Ahmad (1993), bertajuk “Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan”. Berpandukan buku berkenaan, beliau sememangnya banyak membincangkan beberapa gagasan dan konsep asas yang mendasari teori fonologi generatif, dan kemudian menerapkannya untuk menghuraikan beberapa aspek fonologi bahasa Melayu dengan menyentuh mengenai aspek dialek-dialek Melayu. Selain itu, pengkaji Raja Mukhtaruddin Bin Raja Mohd. Dain (1986) turut mengkaji dialek Perak dan diterbitkan dalam bukunya berjudul “Dialek Perak”. Fokus kajiannya adalah tertumpu kepada aspek bahasa dalam masyarakat yang mempunyai sistem kata yang tersendiri seperti aspek penjenisan perkataan dan gaya penggunaan perkataan. Antara beberapa pengkaji lain ialah Abdullah Hassan (1966), James T. Collins (1986), Rohani Mohd. Yusof (1986), Asmah Haji Omar (1977) dan (2008), Harun Mat Piah (1983) dan Tajul Aripin Kassim (2009).

Selain itu, pengkajian menggunakan pendekatan pelbagai disiplin dikenali sebagai geo-linguistik turut dikenal pasti dilakukan dalam pengkajian dialek. Salah satu contoh ialah kumpulan penyelidikan dari Thailand yang telah terlibat dengan dialek dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dengan lebih serius dari awal tahun 2000 sehingga hari ini. Hakikatnya, penyelidik dari Eropah telah pun bermula lama sebelum penyelidik Asia mula membangunkan kawasan itu. Lee dan Kretschmar (1993) mencipta pangkalan data geografi dalam persekitaran GIS untuk menyimpan dan memaparkan data linguistik yang diperolehi dari pangkalan data (Linguistic Atlas of the Middle dan South Atlantic State) (LAMSAS). Satu lagi kerja-kerja GIS dijalankan oleh Luo et.al (2000) yang menggunakan GIS untuk membantu mereka bagi menggambarkan corak penyelesaian kumpulan minoriti Tai di selatan China.

Premisrat et. al (2004) ialah penyelidik dari Thailand turut terlibat dalam kajian dialek dan GIS telah melaporkan berkaitan penggunaan GIS sebagai pangkalan data geografi dan pembinaan peta. Data kajian diperolehi melalui pengedaran soal selidik melalui kiriman surat kepada kumpulan ethnolinguistik di seluruh negara Thailand. Manakala, Teerarojanarat dan Tingsabadh (2008) membangunkan pangkalan data geografi dengan menyimpan 170 unit semantik dalam kajian variasi leksikal meliputi seluruh Thailand dan menggunakan manfaat peta memaparkan mendedahkan pengedaran perkataan. Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011) telah menerokai lagi dialek pusat dan bukan pusat menggunakan teknik overlay ini. Teknik overlay yang menggabungkan dua jenis data akhirnya membawa kepada isoglos sistematik dialek berkenaan. Selain Thailand, Jepun juga telah melangkah ke dalam dialek dan GIS. Onishi (2010) dan Mokhtar Jaafar (2012) telah menunjukkan kepentingan GIS dalam kajian geo-linguistik mereka.

3. Metodologi

Penghuraian dalam makalah ini dilakukan secara deskriptif. Namun begitu, pada bahagian contoh hasil data kajian melibatkan kerja lapangan. Hal ini adalah bersesuaian dengan kajian dialek geografi. Dialek geografi mengikut Winfred P. Lehman (dlm. Ajid Che Kob, 1985) adalah “The study of varying forms of speech in one language is known as dialect geography or dialectology”. Dialek geografi atau dialek tempatan adalah dialek yang wujud akibat perbezaan dari segi kedudukan atau faktor geografi sesuatu kawasan. Faktor perpisahan dari segi geografi sentiasa berperanan dalam melahirkan perbezaan dialek. Ayatrohaedi menjelaskan bahawa tujuan penelitian dialek geografi antara lain menetapkan ruang lingkup gejala kebahasaan. Gejala-gejala tersebut dikelompokkan dan dipaparkan ciri-

ciri dialeknya, kemudian ciri-ciri dialek itu dicari isoglosnya yang menghubungkan batas-batas dialek atau bahasa dengan batas-batas alam mahupun sejarah (Ayatrohaedi, 1983:30).

4. Analisis dan Perbincangan: Pelaksanaan Kajian Lapangan

Kaedah ini merupakan kaedah utama mendapatkan data untuk kajian geo-linguistik. Lapangan bermaksud tempat beradanya gejala atau benda yang hendak diselidiki oleh seseorang pengkaji (Asmah Haji Omar, 2002). Kaedah ini akan melibatkan pengkaji itu sendiri berserta informan dan enumerator dalam memerhatikan fenomena-fenomena yang berlaku terhadap bahasa yang dituturkan oleh pengguna dialek. Menurut Samarin (dalam terjemahan Kamaruzaman & Zahrah, 1993:1), linguistik lapangan merupakan cara utama untuk memperoleh data linguistik untuk mengkaji fenomena linguistik yang melibatkan dua pihak iaitu penutur sesuatu bahasa dan pengkaji linguistik. Hal ini memperkuat lagi fakta kerja lapangan ini dan mengelak berlakunya keciciran dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan data daripada responden-responden kajian.

Kajian berkenaan geodialek di negeri Perak telah melalui beberapa proses metodologi yang rencam melibatkan pengumpulan data primer dan data sekunder. Sesuatu pelaksanaan penyelidikan yang seimbang ialah penyelidikan yang menggunakan kaedah pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diperoleh melalui kajian lapangan dan data sekunder pula adalah diperoleh daripada pembacaan bahan pustaka, terutamanya terhadap kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Maklumat-maklumat daripada pihak agensi kerajaan, swasta, kajian terdahulu dan sebagainya di dalam melakukan kajian ini dijadikan sebagai maklumat rujukan.

Selain membuat rujukan mengenai topik kajian di perpustakaan, pengkaji juga meneliti sumber-sumber maklumat yang terdapat di dalam internet. Kemudahan jaringan atas talian mampu menyediakan sumber rujukan yang lebih menyeluruh. Pengkaji juga turut mendapatkan maklumat-maklumat daripada internet yang berkaitan dengan kajian sebagai tambahan pengkayaan pembacaan. Tambahan pula, kebanyakan kajian menggunakan geolinguistik dan GIS meluas di luar negara. Kemudahan internet membolehkan pengkaji membaca jurnal 'online' yang sangat menjimatkan masa dan kewangan. Pelaksanaan kerja lapangan melibatkan perancangan yang rumit dan renyah. Justeru, kerja lapangan ini dipecahkan kepada dua tahap iaitu tahap dalaman dan tahap luaran. Setiap satu tahap tersebut melibatkan beberapa proses dan tindakan yang mengambil masa dan kecekapan pengurusan yang sistematik. Pemaparan berikut ini mendedahkan kedua-dua tahap tersebut.

Tahap	Aktiviti
DALAMAN	a. Kajian Pustaka - Mendapatkan maklumat daripada bahan-bahan bacaan seperti jurnal dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan yang akan dilakukan. Maklumat-maklumat ini amat membantu dalam mengukuhkan lagi pemilihan tajuk kajian . - Kaedah paling sesuai digunakan untuk mengenal pasti data bahan yang telah diterbitkan, iaitu dari jurnal, makalah dan sebagainya yang terdapat sedikit sebanyak maklumat mengenai dialek Perak. b. Enumerator - Pemilihan perlu terperinci kerana kajian melibatkan penggunaan dan pengaplikasian transkripsi fonetik. Perlu pilih enumerator yang mahir fonetik. - Jumlah enumerator yang ramai (60 orang) bagi operasi kajian lapangan untuk setiap zon memerlukan pembahagian kumpulan kecil (4-5 org) dengan pemilihan ketua kumpulan. c. Bengkel - Bengkel membina soal selidik (melibatkan kumpulan pengkaji). - Bengkel Peta (pembahagian kepada 5 zon kajian lapangan untuk soal selidik dan 2 zon untuk rakaman) - Bengkel fonetik dan transkripsi kepada enumerator.

	• Bengkel memasukkan data ke dalam Excel dan SPSS. • Bengkel pemurniaan data soal selidik dan rakaman d. Kelas GIS • Dibimbing oleh pakar GIS dan memerlukan banyak latihan dan kemahiran menggunakan alatan . • Membuat pembelian alatan dan program GIS • Kajian ini mengambil masa hampir 6 bulan latihan membina peta dan memasukkan maklumat ke dalam SPSS. e. Modus Operasi • Setiap zon kajian lapangan mempunyai modus operasi. • Modus ini perlu supaya perjalanan dan proses keseluruhan kajian lapangan berlaku lancar di semua kawasan. Jarak yang jauh bagi sesuatu zon kajian lapangan hanya dikawal oleh beberapa orang pengkaji. • Maklumat dalam modus operasi ialah nama , alamat dan nombor kontak perhubungan pihak ketua kampung @ JKK serta maklumat enumerator. Tempat kajian sebenar dilakukan dan cara dan batas masa yang boleh dilakukan turut dinyatakan. • Membantu ketua dan enumerator patuh dengan maklumat yang diberi agar tidak menimbulkan kekeliruan dengan informan dan responden. • Mewujudkan keseragaman dari segi cara memperoleh data, jumlah responden, lokasi kajian dan penyeliaan oleh kumpulan penyelidik. f. Tentatif • Maklumat aktiviti keseluruhan setiap zon kajian lapangan • Laporan menerusi panggilan telefon oleh setiap ketua kumpulan sebelum, semasa dan setelah tamat sesi kajian lapangan. • Pemakluman sebarang kesulitan dan kekangan semasa proses kajian di lokasi kajian yang telah ditetapkan. • Aktiviti di luar jangkaan seperti perhimpunan ketua kampung dan JKK di dewan dan majlis sambutan dan taklimat. g. Penerapan data dalam Excel, SPSS dan GIS • Berdasarkan setiap zon kajian lapangan
LUARAN	a. Birokrasi Pentadbiran • Menghubungi pihak pentadbiran bermula dari peringkat penghulu kanan, penghulu mukim dan ketua kampung. • Mengenal pasti secara tepat responden sasaran (penutur dialek Melayu dan dilahirkan di Malaysia walaupun keturunan dari seberang) • Menjelaskan tujuan kajian lapangan dan mendapatkan maklumat responden agar bersesuaian dengan kehendak kajian lapangan . • Mendapat persetujuan bersama dari segi modus operasi agar tidak berlaku percanggahan jumlah responden, sasaran responden, masa/tempoh dan bayaran saguhati. b. Pengangkutan dan Penginapan • Kemudahan kenderaan kepada kumpulan enumerator dan penyelidik kerana setiap kumpulan mempunyai lokasi khusus dan berada di daerah berbeza bagi setiap zon (

	5 zon kajian lapangan bagi 10 daerah di Perak). • Penginapan yang selesa, selamat dan berpatutan yang paling hampir dengan lokasi kajian lapangan (inap desa/ hotel/tumpang rumah saudara). • Satu cara menjamin pergerakan kumpulan adalah serentak, dan perbincangan dapat dilakukan sebelum pergerakan ke lokasi kajian berlaku. • Pembincangan dan pembimbingan transkripsi - simbol fonetik
--	---

Bagi mendapatkan data-data sebenar sesuatu dialek, pengkaji perlu turun ke lapangan bagi proses pemerolehan data. Maklumat berikut memaparkan proses yang terlibat semasa kerja lapangan dilaksanakan.

Proses Kajian Lapangan	Aktiviti
SEBELUM	a. tinjauan rintis b. responden/informan kajian
SEMASA	a. temu bual b. soal selidik c. rakaman d. foto
SELEPAS	a. kemas kini data responden b. laporan transkripsi c. surat penghargaan d. sijil penyertaan

a. Tinjauan Rintis

Tinjauan rintis dilakukan pada peringkat awal kajian ini. Tinjauan rintis membolehkan pengkaji mendapat maklumat lebih terperinci. Sebelum ini, kebanyakan maklumat diperoleh menerusi pembacaan di perpustakaan dan internet. Semasa tinjauan rintis dilakukan, beberapa maklumat muka bumi kawasan kajian, kesesuaian responden dan pengubahsuaian terhadap soal selidik boleh dilakukan. Soal selidik pada awalnya mempunyai 200 glosari perkataan. Selepas kajian rintis dibuat, hanya 96 glosari kata sahaja dipilih. Pemilihan ini adalah bersesuaian dengan batas masa dan keperluan kajian di Perak.

b. Responden/Informan Kajian

Responden kajian merupakan sumber data utama dalam kajian multidisiplin ini. Seramai 1530 orang responden terlibat dalam kajian ini melibatkan jantina wanita dan lelaki. Responden dipecahkan kepada 4 kumpulan iaitu:



Pemilihan responden kajian berdasarkan pandangan Chambers dan Trudgill (1990) iaitu *nonmobile*, *older*, *rural* dan *males* atau NORM's. Menurutnya, tidak kira betapa berlainannya budaya, keadaan sosioekonomi dan rupa bumi, sebilangan besar informan ini terdiri daripada orang-orang lelaki dewasa yang agak lanjut usianya dan menetap dengan kekal di sesuatu kawasan, lazimnya di kawasan-kawasan luar bandar. Gambar-gambar yang dipaparkan di bawah ini menunjukkan empat kumpulan responden yang terlibat semasa kerja lapangan di Perak.



c. Pemilihan Lokasi Kajian

Demi mengkaji dialek di Perak dengan lengkap, keseluruhan daerah iaitu 10 daerah di negeri tersebut terlibat iaitu:

Daerah			
1.	Kerian	6.	Kinta
2.	Larut Matang Dan Selama	7.	Kampar
3.	Hulu Perak	8.	Perak Tengah
4.	Kuala Kangsar	9.	Hilir Perak
5.	Manjung	10.	Batang Padang

Kajian ini melibatkan sejumlah 102 kampung. Pemilihan kampung-kampung tersebut berdasarkan pemakluman dan persetujuan dengan pihak pentadbiran daerah dan kampung.

d. Soal Selidik

Soal selidik diedarkan kepada setiap informan kajian ini. Pengkaji dan enumerator tidak terus menyerahkan soal selidik. Sebaliknya pertemuan kerja lapangan dimulakan dengan sesi berkenalan dan berbual berkenaan latar belakang dan mendapat maklumat persekitaran kawasan kajian. Setelah pengkaji dapat mewujudkan keselesaan dalam kalangan informan, barulah soal selidik glosari kata dimulakan. Seboleh mungkin pengkaji/enumerator tidak menyebut perkataan, sebaliknya menunjukkan kepada benda atau anggota yang perlu disebut oleh informan. Keadaan menjadi lebih mudah sekiranya informan ditemani oleh ahli keluarga dan rakan-rakan yang menguasai bahasa yang sama. Secara tidak langsung, informan tidak kekok untuk menggunakan bahasa sehari-hari.

Proses mendapat glosari perkataan dalam soal selidik menjadi lebih mudah sekiranya dua orang pengkaji bergabung serentak. Seorang akan menumpukan kepada glosari perkataan yang ingin ditanya, manakala seorang enumerator akan menumpukan kepada sebutan informan dan menulis bunyi sebutan informan dalam bentuk fonetik secara serta merta. (Rujuk Lampiran A untuk paparan soal selidik).

Suasana kerja lapangan untuk mengutip data kajian berlaku secara tidak formal. Informan ditemui di kediaman mereka. Terdapat juga kajian yang ditetapkan di dewan masyarakat kampung. Sepanjang masa kerja lapangan berlangsung, ketua kampung atau JKK kampung akan berterusan mengiring dan membantu pengkaji/enumerator membuat kajian di setiap rumah penduduk yang terlibat. Situasi ini sangat memudahkan urusan kerja lapangan dilakukan kerana kehadiran pengkaji/enumerator tidak diragui kerana sudah sedia mengenali pihak pentadbir yang hadir bersama-sama.





e. Rakaman

Rakaman perbualan dilakukan menerusi teknik bercerita. Ada informan yang boleh bercerita secara bersendirian dan ada yang perlu melibatkan beberapa orang rakan atau ahli keluarga. Pengkaji/enumerator akan mengikut rentak informan berdasarkan kesesuaian mereka. Topik bercerita selalunya berkaitan diri informan, ahli keluarga, kehidupan bermasyarakat, pengalaman kerja, sejarah tempat dan makanan tradisi. Sesetengah kawasan kajian mempunyai perusahaan IKS iaitu industri kecil dan sederhana. Keadaan ini memudahkan pengkaji menarik perhatian informan bercerita pengalaman mereka terlibat dengan industri tersebut. Secara tidak langsung, informan berasa tidak malu dan lebih yakin bercerita tentang sesuatu yang jelas tidak diketahui oleh pengkaji/enumerator. Keasyikan informan bercerita akan menerbitkan penggunaan bahasa seharian dan tidak dikawal-kawal. Sebolehnya mungkin pengkaji/enumerator membiarkan informan bercerita dan hanya sesekali sahaja mengganggu perbualan. Keadaan tersebut hanya berlaku sekiranya pengkaji mendapati informan tidak dapat menumpukan kepada penceritaan.

Kerja lapangan yang melibatkan rakaman adalah antara aktiviti yang sangat menarik. Situasi rakaman menjadi lebih berkesan sekiranya tempat rakaman juga dikawal. Suasana persekitaran yang bising seperti laluan kenderaan atau majlis yang melibatkan ramai informan seperti di tempat kenduri kahwin boleh mengganggu kejelasan rakaman kerana sebutan informan tidak dapat didengar sebaiknya. Hasil rakaman juga akan dapat membantu memperbaiki transkripsi fonetik yang diperoleh menerusi soal selidik.





f. Foto

Apa sahaja yang terakam menerusi foto pasti membawa banyak maklumat dan kenangan. Hal ini turut diperhatikan menerusi kerja lapangan mendapat data dialek di Perak. Rakaman foto membolehkan maklumat –maklumat geografi seperti bentuk muka bumi, seumpama sungai, saluran air, laut, kawasan pertanian, gunung-ganang dirakamkan untuk menjadi bukti. Penyebaran dialek sangat dipengaruhi oleh keadaan bentuk muka bumi kawasan kajian biarpun berada dalam negeri yang sama.

Pemilihan tempat atau suasana kawasan kajian untuk dirakamkan dalam bentuk foto kerap kali dibantu oleh ketua kampung atau ahli Jawatankuasa Kecil Kampung (JKK). Hal ini memudahkan pengkaji mendapat bukti foto secepat mungkin kerana penduduk setempat yang lebih memahami keadaan persekitaran mereka. Sesi foto juga dapat membangkitkan memori sampingan kerana menerusi foto pengkaji/enumerator dapat mengingat kembali suasana kerja lapangan dilakukan.






g. Sijil dan Surat Penghargaan

Kerja lapangan yang bertujuan memperoleh data kajian di 10 daerah di Perak melibatkan kerjasama pelbagai pihak. Setiap sumbangan pihak-pihak yang terlibat sangat bermakna dan wajar dihargai. Justeru, selepas setiap operasi kerja lapangan selesai, ketua projek kerja lapangan akan mengirimi surat penghargaan kepada setiap ketua kampung yang telah dilawati. Sebelum itu, semasa kajian dilakukan sedikit suguhati diberi kepada setiap informan/responden. Namun, sebagai usaha yang lebih khusus, surat penghargaan menjadi satu bukti untuk menunjukkan pihak penyelidik sangat menghargai setiap sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan.

Bukan mudah untuk mencari masa penduduk kampung meluangkan masa untuk bekerjasama. Kehidupan mereka yang berlain aktiviti dan berbeza masa membuktikan mereka ikhlas untuk menjayakan kajian ini. Kepada pihak pentadbiran, surat penghargaan menjadi satu bukti dan contoh terbaik jalinan kerjasama pentadbiran kampung dengan pihak luar khususnya pihak pendidikan. Berikut ialah contoh surat penghargaan yang dikirim kepada 102 kampung di negeri Perak.

Tugas sebagai enumerator bukanlah suatu tugas mudah. Tanpa bantuan enumerator pula, suatu penyelidikan besar seumpama ini tidak akan terlaksana sepenuhnya (projek penyelidikan pembiayaan dana geran AP-2012-002). Justeru setiap enumerator akan diberikan sijil. Secara tidak langsung, sijil tersebut akan membuktikan enumerator pernah terlibat dalam kerja lapangan sesuatu penyelidikan. Hal ini akan menguatkan kredibiliti setiap enumerator yang terlibat. Sijil tersebut boleh digunakan sebagai sesuatu permohonan kerja. Di samping itu, setiap kampung juga turut mendapat sijil penyertaan ini yang dikirim bersama-sama dengan surat penghargaan. Kebiasaannya sijil tersebut akan dipaparkan di dewan serba guna setiap kampung.

Kerja lapangan yang telah dilaksanakan menjadi sebahagian besar pelengkap kepada suatu metodologi penyelidikan bagi kajian dialek di Perak. Pelaksanaan metodologi penyelidikan yang lain adalah berkaitan pemprosesan, penganalisan dan pemaparan data. Carta yang dipaparkan berikut memudahkan pengkaji lain memahami kronologi dan perjalanan pelaksanaan metodologi tersebut. Kerencaman pengurusan pada tahap pengumpulan data memperlihatkan betapa pentingnya kerja lapangan diteliti sebaik mungkin sebelum, semasa dan selepas sesuatu operasi kerja lapangan dilakukan.



Carta Alir Kronologi Metodologi Kajian

Pengalaman kerja lapangan di 10 daerah di Perak dapat digambarkan menerusi beberapa keping foto yang dipaparkan berikut. Kerjasama informan/responden sangat memberangsangkan. Kajian ini berjaya membuktikan bahawa pelaksanaan kajian yang melibatkan kerja lapangan adalah suatu proses kajian yang sangat mencabar tetapi penuh dengan pengalaman dan pengajaran berharga. Sudah tentu hasilnya juga amat mengagumkan.



5. Kesimpulan

Kertas ini memaparkan pelaksanaan kaedah lapangan yang perlu dilestrasikan dalam sesuatu penyelidikan. Pelaksanaan kajian lapangan yang dilakukan secara sistematik akan membantu beberapa tahap khususnya tahap mendapat data berlaku dengan baik. Kecekapan pentadbiran dan pengawalan semua sumber kajian lapangan seperti kewangan, lokasi, enumerator, soal selidik dan proses serta hasil transkripsi fonetik yang menepati dialek yang dikaji. Secara tidak langsung, ia juga penting bagi menentukan kejayaan sesebuah penyelidikan yang dilakukan. Justeru, penghasilan sesebuah pengkajian akan menepati seperti yang dikehendaki sekiranya mengikut panduan yang telah ditetapkan. Dengan adanya modus operasi dan kaedah serta langkah yang sesuai dirancang dari awal lagi, maka sesebuah kajian itu akan dipandu dengan lebih baik untuk membolehkannya tidak terhenti pada takat-takat tertentu sahaja. Kepekaan pengkaji bersama-sama enumerator membolehkan metodologi kajian merealisasikan sebahagian besar dari operasi keseluruhan sesuatu penyelidikan.

Ekoran penumpuan terhadap pengumpulan data menerusi kajian lapangan, maka langkah seterusnya iaitu bahagian analisis dapat membantu menghasilkan maklumat kajian seperti isoglos bentuk baharu. Secara tidak langsung, objektif kajian iaitu untuk memberikan pemahaman yang lebih baik berkenaan isoglos dialek Melayu berbanding kajian Asmah (1993), Ajid (1985), Rohani (1986) dan Collins (1983) dapat tercapai. Hasil analisis data menggunakan GIS memperlihatkan pemisahan leksikal berdasarkan garisan warna yang bersempadan dengan satu-satu kawasan. Pemisahan ini menentukan kumpulan varian yang dituturkan di kawasan tersebut. Secara umumnya, ia menunjukkan gabungan bentuk yang unik, masing-masingnya juga hadir dalam gabungan lain di beberapa kawasan. Hal ini menunjukkan bahawa isoglos adalah sangat baik memaparkan sub-dialek yang dituturkan di Perak dan merupakan satu penemuan yang lebih tepat yang boleh memperbaiki dan menggantikan penemuan terdahulu.

Sejak akhir-akhir ini, pendekatan pelbagai disiplin telah menjadi lebih popular. GIS sebelum ini sangat terhad kepada bidang geografi tetapi kini telah digunakan secara meluas dalam bidang lain juga. Ia telah merebak ke sistem maklumat terutama bagi pengkaji bahasa. Kini, ia merupakan alat yang boleh sesiapa sahaja dari mana-mana cabang disiplin lain menggunakannya. Perkembangan ini berkemungkinan akan dapat membantu pengkajian bukan sahaja peringkat dialek Melayu tetapi lain-lain bahasa golongan minoriti seperti orang asli, contohnya bahasa Mendriq Negrito (lihat kajian awal oleh Harishon *et. al*, 2011). Perekayasaan kajian interdisiplin dapat membantu mempertingkatkan tahap penganalisisan menjadi lebih pelbagai dan mendalam. Secara tidak langsung, perkembangan kajian dalam bidang dialek geografi dan linguistik secara khusus akan terus dilestari.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1996). *Isu-Isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1966). *Perbandingan Tatabunyi Antara Dialek Kedah dan Perak*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (1978). *Kedah: Aspek Kebudayaannya Seperti Yang Terdapat dalam Sejarah dan Bahasa*. Jurnal Dewan Bahasa.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloomfield, L. (1933). *Language*. Holt Rereprinted (1993): Motilal Banarsidass. New York.
- Chambers, J. K Trudgill P. (1990). *Dialektologi*. terj. Anuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins J. T. (1986). *Antalogi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamaed Sultan, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). *Penggolongan kata Bahasa Mendriq Negrito: Satu Penelitian Rintis*. Jurnal Linguistik. Jilid 12. Mac:Edisi Khas. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Harun Mat Piah. 1983. *Dialek Perak Satu Tinjauan Ringkas*. Bengkel Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan. Ipoh, Perak: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Perak.
- Kamus Dewan. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahsun, M.S. (2005). *Metode Penelitian Bahasa: tahap strategi, metode dan tekniknya*. Jakarta: Rajawali Press.
- Mohd. Januri Aiyub. (1999). *Kajian Fonologi dan Leksikal Dialek Melayu Perak di Lambor*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Akademi Pengajian Melayu. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang. (2009). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Nasir Nayan. (2007). *Persekitaran Sistem Maklumat Geografi*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nasir Nayan. (2010). *Manual ArcGIS TM: Amali ArcMap TM dan ArcCatalog TM*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). *Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa: Mendakap Khazanah Menenun Inovasi dalam Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK15)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorul Khairien & Hasnah Mohamad. (2013). *Remaja dan Penguasaan Ilmu Tempatan*. Dalam Jurnal Linguistik. Vol. 17(20). Disember hlm:70-83. Kuala Lumpur. Persatuan Linguistik Malaysia.

- Panee Cheewinsiriwat. (2011). The Use of GIS in Exploring Settlement Patterns of the Ethnic Groups in Nan, Thailand. The Asian Conference on Arts and Humanities Official Conference Proceedings, ACAH, Osaka, Japan. Bangkok, Thailand: Department of Geography, Faculty of Arts, Chulalongkorn University.
- Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd Dain. (1986). Dialek Perak. Perak: Yayasan Perak.
- Rohani Mohd Yusof. (1986). Subdialek Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi. Ijazah Sarjana Muda Sastera. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Rualan Rainis dan Noresah Md. Shariff. (1998). Pengenalan kepada Sistem Maklumat Geografi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samarin, W.J. (1993). Linguistik Lapangan: Panduan kerja lapangan Linguistik. (pntrj) Kamaruzaman Mahayiddin dan Zahrah Abd. Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Aripin Kassin. (2006). Proses Pendiftongan dalam Dialek Kedah dan Dialek Sayong. Seminar Kebangsaan Bahasa Verbal dan Bukan Verbal dari Perspektif Bahasa, Terjemahan dan Komunikasi. Universiti Malaya: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Tajul Aripin Kassin. (2009). Urutan Vokal dalam Dialek Melayu Perak dan Dialek Melayu Kedah: Satu Analisis Perbandingan. Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu. Universiti Malaya: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Tajul Aripin Kassin. (2000). The Phonological Word in Standard Malay. United Kingdom: Newcastle University.
- Zaharani Ahmad. (1993). Fonolofi Generatif: Teori dan Penerapan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lampiran A

CONTOH BORANG SOAL SELIDIK**PROJEK ARUS PERDANA-AP-2012-002.ZON A****KOD RESPONDEN**

Nama Enumerator:

--	--	--

Tarikh:

Masa mula:

--

Akhir

--

A. Lokasi Kawasan Kajian

1. Negeri :

--

2. Daerah:

--

3. Mukim:

--

4. Nama Kampung:

--

5. Status Kampung:

i. Kampung Utama

--

ii. Kampung Rangkaian

--

6. Kepadatan penduduk kampung: (bil.rumah/penduduk)

--

7. Nama pekan terdekat

--

8. Jarak dari pekan/ Bandar terdekat

--

9. Kekerapan keluar ke pekan/ Bandar terdekat

--

10. Jenis pengangkutan utama: (jalan raya/ sungai/ keretapi)

--

11. Majoriti penduduk kampung (kaum/ asal usul)

--

12. Persekitaran muka bumi

i. Sungai

--

ii. Banjaran

--

iii. Bukit

--

iv. Paya

--

v. Jalan raya besar

--

--

--

13. Aktiviti ekonomi

i. Pertanian (padi, sayur, dusun)

--

ii. Perladangan (getah, sawit, kelapa)

--

iii. Perikanan

--

iv. Penternakan

--

v. Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

--

B. Latar Belakang Responden

1. Nama: Umur:

- i. Kanak-kanak: 10-14 tahun
- ii. Remaja: 15-21 tahun
- iii. Dewasa: 22-49 tahun
- iv. Warga tua: 50 tahun dan ke atas

2. Jantina

- i. Lelaki
- ii. Perempuan

3. Tempat lahir:

4. Asal keturunan ibu:

5. Asal keturunan bapa:

6. Tempat lahir ibu:

7. Tempat lahir bapa:

8. Bahasa pertuturan utama di rumah: (loghat perak/ kaum)

9. Pendidikan:

10. Pengalaman persekolahan (asrama/ rumah)

11. Tempoh masa tinggal di kampung:

12. Pekerjaan:

13. No. telefon:

ANGGOTA BADAN

NO	GLOS			CATATAN
1	Lutut			
2	Betis			
3	Paha			
4	Pinggang			
5	Tulang			
6	Jantung			
7	Dada			
8	Mulut			
9	Telinga			
10	Mata			

HAIWAN/FAUNA

11	Anjing			
12	Kera			
13	Kucing			
14	Burung			
15	Ayam			

16	Cakar			
17	Ekor			
19	Ular sawa			
19	Tupai			
20	Lipan			
21	Biawak			
TUMBUHAN/FLORA				
22	Dahan			
23	Daun			
24	Akar			
25	Nangka			
26	Serai			
27	Petai			
28	Limau			
29	Durian			
BAHAGIAN RUMAH				
30	Atap			
31	Tiang			
32	Pintu			
33	Dinding			
34	Tangga			
35	Dapur			
BENDA				
36	Belanga			
37	Bantal			
38	Pasir			
39	Air			
40	Paya			
41	Hutan			
42	Banjir			
43	Petir			
44	Awan			
KATA PANGGILAN KEKERLUARGAAN/ SOSIAL				
45	Lelaki			
46	Perempuan			
47	Suami			
48	Isteri			
49	Ibu			
50	Bapa			
51	Nenek			
52	Datuk			
53	Abang sulung			
54	Kakak sulung			
KATA KERJA				
55	Berjalan			
56	Mandi			
57	Menggigit			
58	Menyusu			

59	Mendengar			
60	Melihat			
61	Gosok			
62	Belah			
63	Buang			
64	Tutup			
KATA ADJEKTIF				
65	Buta			
66	Longgar			
67	Mati			
68	Tajam			
69	Tumpul			
70	Bengkok			
71	Kotor			
72	Panas			
73	Ringan			
74	Kecil			
75	Besar			
76	Pendek (orang)			
77	Malas			
78	Pahit			
79	Mentah			
80	Timbul			
KATA EMOSI				
81	Marah			
82	Bodoh			
83	Kecewa			
84	Suka			
85	Pandai			
KATA GANTI NAMA				
86	Saya			
87	Kamu			
88	Kita			
89	Kami			
90	mereka			
WAKTU/ARAH/JARAK/KEDUDUKAN				
91	Siang			
92	Malam			
93	Petang			
94	Jauh			
95	Belakang			
96	Semalam			